

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Inventori Budaya Etnik Dusun Subpan merupakan salah satu usaha untuk merekod dan mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan tradisi etnik Dusun Subpan. Usaha ini dilakukan untuk memelihara, memulihara dan memartabatkan budaya etnik Dusun Subpan.

Untuk mencapai objektif inventori budaya ini, pengumpulan informasi dan data dibuat dengan menggunakan kaedah etnografi terhadap aspek-aspek yang telah ditetapkan. Bab ini menjelaskan mengenai objektif dan metodologi inventori budaya yang digunakan sebagai asas kepada penulisan buku inventori budaya etnik ini.

1.1 Objektif

Objektif Inventori Budaya Etnik Dusun Subpan ini adalah seperti berikut:

- Untuk menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya;
- Untuk menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya etnik Dusun Subpan;
- Untuk memberi peluang kepada Persatuan etnik Dusun Subpan Lahad Datu dan orang perseorangan untuk menyumbang dan mengetengahkan maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya etnik Dusun Subpan;
- Untuk menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya etnik-etnik yang terdapat di Negeri Sabah; dan

- Untuk menyediakan rujukan budaya etnik Dusun Subpan kepada pelbagai pihak.

1.2 Metodologi Inventori Budaya Etnik

Metodologi yang digunakan dalam inventori budaya etnik ini adalah berasaskan kepada maklumat yang dikumpulkan melalui usaha bersama oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Persatuan Etnik Dusun Subpan Lahad Datu. Metodologi kajian yang digunakan melibatkan kajian secara bertulis, temu bual dan lawatan lapangan oleh jawatankuasa penyelidik.

Lokasi-lokasi kajian tertumpu di tempat-tempat perkuburan etnik Dusun Subpan di sepanjang Ulu Segama Lahad Datu seperti Agob Batu Balos, Agob Tapadung, Tambiruga dan Aki Manimbak. Metodologi kajian juga menggunakan kaedah temu bual dengan beberapa orang tua yang mempunyai maklumat mengenai cerita-cerita sejarah serta cara hidup etnik Dusun Subpan.

Inventori budaya etnik ini dijalankan sendiri oleh para penyelidik daripada Persatuan Etnik Dusun Subpan Lahad Datu yang ditaja dan diselia oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Satu jawatankuasa penyelidik yang dinamakan Jawatankuasa Penyelaras Inventori Etnik Dusun Subpan, Lahad Datu telah dibentuk untuk melaksanakan kajian inventori di peringkat persatuan etnik. Mereka yang terlibat terdiri daripada golongan tua yang pakar dalam cerita-cerita etnik Dusun Subpan, para penggiat seni, Ketua-ketua Kampung (KK), Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK).

Inventori budaya ini telah dijalankan selama enam bulan iaitu dari bulan Februari hingga Julai 2011. Pelaksanaan

kajian inventori budaya ini telah menghadapi beberapa limitasi seperti kekangan masa yang singkat, kekurangan tenaga penyelidik, kewangan dan kakitangan yang berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan temu bual dengan informan.

Inventori budaya etnik yang telah dijalankan merangkumi 15 aspek kajian budaya etnik Dusun Subpan iaitu Latar Belakang Etnik, Tempat dan Sejarah, Kegiatan Sosioekonomi, Sastera Lisan Turun Temurun, Adat Resam Turun Temurun dan Pantang Larang, Kepercayaan dan Amalan, Alat Muzik dan Tarian Tradisional, Pakaian Tradisional dan Aksesori, Adat Istiadat Perkahwinan, Seni Bina dan Kraf Tangan, Makanan Tradisional, Sukan Rakyat dan Permainan Tradisional, Perayaan-Perayaan Dalam Komuniti, Perubatan Tradisional dan Amalan Tradisi, Strata Sosial Masyarakat dan Nyanyian Rakyat.